

Tumpang tandas penduduk untuk mencuri

7 Mei 2022

Tumpang tandas penduduk untuk mencuri

KOTA TINGGI- Sepasang suami isteri bersama anaknya diacukan parang oleh seorang lelaki yang dibenarkan masuk ke dalam rumah mereka di Felda Easter pada kira-kira 8.30 pagi Khamis.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Hussin Zamora berkata, sebelum kejadian keluarga terbabit didatangi seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 30 tahun yang menyatakan mahu menumpang tandas.

“Pemilik rumah memberi kebenaran kepada lelaki itu untuk menggunakan tandas di rumahnya. Bagaimanapun, anak lelaki pemilik rumah berusia lingkungan 30 tahun ternampak lelaki itu cuba memasuki salah sebuah bilik.

“Ketika cuba menghalang perbuatan itu, suspek bersikap agresif dan mengambil parang

milik tuan rumah sehingga berlaku pergelutan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, pada Jumaat.

Jelasnya, pergelutan yang berlaku antara pemilik rumah berusia lingkungan 60 tahun dan anak lelakinya bersama suspek menyebabkan mereka mengalami kecederaan ringan.

“Ketika pergelutan berlaku, isteri pemilik rumah menjerit dan menyebabkab jiran-jiran datang membantu menangkap suspek.

“Pemilik rumah dan anaknya mengalami kecederaan ringan dan mendapatkan rawatan di bahagian pesakit luar di hospital. Suspek yang turut cedera dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan,” katanya.

Hussin berkata, hasil ujian saringan ujian air kencing ke atas suspek didapati positif dadah jenis methamphetamine.